

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN****MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 5 MAC 2018 [ ISNIN ]**

**SOALAN :**

Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dalam jadual jumlah rumah-rumah orang tua swasta mahupun Kerajaan yang terdapat di kawasan Kuching, kategorikan mengikut kapasiti, jumlah terkini yang tinggal di situ. Bagi yang Kerajaan, jumlah peruntukan sejak 2013 sehingga sekarang.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited dan akan terus memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan warga emas bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut ke arah penuaan sihat, aktif dan produktif.

Perkhidmatan penjagaan institusi kepada warga emas terbahagi kepada dua kategori iaitu Institusi Kebajikan di bawah kendalian Kerajaan dan pusat jagaan di bawah kendalian pihak swasta atau Badan Bukan Kerajaan.

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan institusi warga emas iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka.

176

Terdapat **9** buah RSK di seluruh Malaysia. Sehingga Disember 2017, seramai **1,547** warga emas tinggal di RSK.

Rumah Ehsan disediakan untuk warga emas yang sakit dan uzur bagi memberi penjagaan, rawatan dan perlindungan dalam suasana yang selesa dan tenteram. Sehingga Disember 2017, seramai **216** warga emas tinggal di Rumah Ehsan.

Bagi kawasan Kuching terdapat sebuah Rumah Orang Tua iaitu Rumah Seri Kenangan Kuching yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak menempatkan seramai **72** warga emas.

Manakala terdapat **7** buah Rumah Orang Tua kendalian swasta yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 menempatkan seramai **57** warga emas serta **2** buah Rumah Orang Tua kendalian Badan Bukan Kerajaan yang menerima Bantuan Kewangan Kerajaan menempatkan seramai **58** warga emas di kawasan Kuching.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**SOALAN : 167**

**Dato' Johari Bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan orang ramai mula yakin dengan perkhidmatan train ETS kendalian Keretapi Tanah Melayu. Apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan perkhidmatan ini tidak tergendala, fasilitas dalam koc-koc seperti tandas dan kerusi dalam keadaan selamat dan sempurna.

178

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah menyediakan pelan perkhidmatan komprehensif yang merangkumi pelan kontigensi untuk memastikan perkhidmatan ETS ini tidak tergendala. Bagi memastikan set-set ETS dan fasilitasi dalaman berkeadaan baik, kerja-kerja penyenggaraan dan *Periodical Examinations* (PE) dilaksanakan oleh pihak KTMB yang merangkumi pemeriksaan Harian, Mingguan dan Bulanan berdasarkan manual penyenggaraan yang dikeluarkan oleh pembuat set tren elektrik.

Dari sudut kebersihan dalaman ETS, setiap trip akan disediakan seorang pekerja yang ditugaskan untuk membuat kerja-kerja pembersihan terutama tandas sepanjang perjalanan ETS tersebut.

Bagi menangani kerosakan fasilitasi dalaman ETS disebabkan perbuatan vandalisme, KTMB juga telah meletakkan notis di stesen-stesen sebagai peringatan kepada orang awam berhubung kesalahan perbuatan vandalisme yang boleh memberi kesan kepada kerosakan harta benda awam.

Kerajaan sememangnya menyedari akan sambutan rakyat yang menggalakkan terhadap perkhidmatan ETS ini. Sehubungan itu, Kerajaan telah meluluskan pembelian 19 tambahan ETS baru.